

# PM rasmi E-Village

Oleh Ebi Azly Abdullah

BH 9 SEP 2000

CYBERJAYA, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melancarkan perkampungan seni pintar atau E-Village, yang beliau sifatkan bakal meletakkan Malaysia sebagai pusat perfileman digital terulung rantau ini.

Pelancaran E-Village yang membabitkan antara studio maya dan studio bunyi terbesar di Asia, turut disaksikan anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menghadiri mesyuarat IAP keempat di sini.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata pembangunan E-Village khususnya kedua-dua studio itu, akan memastikan negara sentiasa berada di depan industri teknologi maklumat.

Beliau berkata, studio berkenaan secara tidak langsung akan menjadi pintu masuk ke Malaysia sebagai negara membangun dan seperti MSC, selaku jentera penggerak E-Village sendiri.

“Daripada projek E-Vil-

## E-Village akan menjadi pintu masuk ke Malaysia sebagai negara membangun serta menarik pengeluar filem antarabangsa ke negara ini

lage, kita akan menyaksikan pelbagai peluang baru, baik dalam sektor sosial mahupun ekonomi, perubahan masyarakat dan pembangunan kemahiran kreatif dan latihan baru berkaitan IT.

“Pelajar akan terbabit dalam kursus dan latihan baru berkaitan IT dan pelbagai aplikasinya. Bakat baru akan dilahirkan,” katanya pada majlis pelancaran studio berkenaan di sini, malam ini.

Idea penubuhan E-Village diutarakan pada mesyuarat IAP ketiga tahun lalu, dengan Fasa 1A berjaya disiapkan sebelum mesyuarat IAP kali ini.

Dr Mahathir berkata, beliau berharap projek perkampungan seni pintar itu akan menarik pengeluar filem antarabangsa ke negara ini, khususnya ketika peningkatan industri perfileman global ketika ini.

“Pengeluar filem sentiasa mencari lokasi penggambaran filem dan kesenian dalam suasana yang lebih elok dan antarabangsa. Menerusi E-Village, kita boleh menyediakan kemudahan dan lokasi terbaik, yang mewakili unsur kebudayaan Asia dalam erti kata sebenarnya,” katanya.

Beliau berkata, indus-

tri perfileman tempatan juga boleh menerima faedah E-Village khususnya menerusi peningkatan standard penggambaran dan penggunaan teknologi canggih.

Terletak di kawasan

485 hektar, Fasa 1 E-Village membabitkan kos RM400 juta ialah binaan studio maya dan studio bunyi, kawasan pos produksi, blok pentadbiran, pusat multimedia, kompleks pemasaran, soko-

ngan teknikal, kawasan meletak kenderaan, akademi latihan dan ‘Time Walk’.

Studio itu dilengkapi kemudahan animasi tiga dimensi (3D), kesan khas, peralatan pos pro-

duksi serta kemudahan tema, kemudahan pengi-

digital.  
Fasa 2 yang menelan kos RM1.5 bilion membabitkan pembinaan taman maya bertema, taman mini Malaysia, bandar popular Asia, lokasi ber-

napan krew, pusat multimedia, pejabat pos produksi dan pusat persidangan. Fasa 3 dibangunkan dua tahun lagi meliputi kawasan riadah dan pusat beli-belah seni kraf.